

23 AUG 1998

DAP-Kongres

MANDAT YANG JELAS DARIPADA PARTI, KATA KIT SIANG

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Kongres DAP semalam telah memberikan mandat yang jelas kepada Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) untuk memulihkan disiplin parti, kata Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang hari ini.

Beliau berkata, memulihkan disiplin parti dan keyakinan orang ramai terhadap kredibiliti dan kewibawaan kepimpinan DAP kini menjadi perkara paling utama dalam agenda baru CEC.

"Saya tidak boleh minta CEC yang lebih baik daripada yang terpilih pada kongres parti semalam, dan mesyuarat CEC akan datang akan melantik sehingga 10 anggota lagi bagi memperluaskan kepimpinan tertinggi parti."

"Ini untuk bersiap sedia bagi berdepan dengan cabaran terbesar dalam sejarah 32 tahun DAP - menafikan Barisan Nasional (BN) majoriti dua pertiga di Parlimen pada pilihan raya umum akan datang yang mungkin diadakan tidak lama lagi," katanya kepada pemberita di sini.

Lim yang juga Ketua Pembangkang dan anggota Parlimen kawasan Tanjong berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata di Kota Bharu semalam bahawa kerajaan akan menkaji kemungkinan pilihan raya awal.

Sambil meneka yang pilihan raya akan diadakan pertengahan Oktober, Lim berkata parti itu akan meminta mengadakan perjumpaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya untuk membincangkan isu-isu tertentu berhubung pilihan raya umum itu kelak.

Mengenai krisis dalaman parti itu, Lim berkata beliau kesal kenyataan bekas Naib Pengerusi Kebangsaan Liew Ah Kim selepas keputusan pemilihan itu diumumkan semalam bahawa parti itu akan berhadapan dengan "masalah besar" yang membabitkan 20 orang keluar daripada parti itu.

Lim berkata satu usul tergepar telah dikemukakan kepada Kongres DAP semalam yang meminta supaya Liew, bekas Bendahari Kebangsaan Fung Ket Wing dan bekas Ketua Pendidikan Politik Pulau Pinang K. Balasundram disingkirkan kerana menerbitkan katalog aktiviti anti parti yang telah menyebabkan akibat yang lebih teruk kepada DAP berbanding kepada MCA atau Gerakan."

Bagaimanapun, usul itu ditarik semula selepas Liew dan Fung memberitahu kongres bahawa krisis dalaman parti itu akan berakhir sepenuhnya dan mereka menerima sepenuhnya keputusan kongres.

"Ah Kim tidak akan diberikan sebarang peluang lagi jika beliau melanggar janjinya kepada Kongres Parti semalam," kata Lim.

-- BERNAMA

RZS RHM